

Headline	Persatuan kemuka cadangan perluas bidang kriptologi		
Date	10. Jun 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	23
Section	Pendidikan	Article Size	211 cm2
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color



Persatuan kemuka cadangan perluas bidang kriptologi

Oleh Syuhada Choo Abdullah

PERSATUAN Penyelidikan Kriptologi Malaysia (MSCR) akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperluas pelaksanaan bidang pengajian kriptologi ke lebih banyak universiti seluruh negara, tidak lama lagi.

Pengerusi MSCR, Prof Datuk Dr Kamel Ariffin Mohd Atan, berkata pihaknya akan menyiapkan kertas cadangan itu sebelum akhir tahun ini dengan kerjasama ahli akademik berkepakaran dalam bidang itu yang disifatkan masih baru di Malaysia.

Beliau yang juga Pengarah Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata inisiatif itu perlu berikutan penguasaan bidang kriptologi adalah penting, khususnya bagi tujuan keselamatan pertahanan negara.

"Secara umum, kriptologi adalah bidang ilmu berkaitan penghantaran maklumat menggunakan kod rahsia berasaskan Matematik, terutama teori nombor.

"Bidang ini amat penting, terutama untuk keselamatan pertahanan negara, kerana membabitkan kepakaran dalam penghantaran maklumat sulit menggunakan kod rahsia supaya tidak dapat dibaca pihak ketiga.

"Bukan itu saja, perluasan bidang ini secara langsung mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada mereka yang berkepakaran dalam matematik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Persidangan dan Bengkel Kriptologi Antarabangsa 2008 yang disempur-

nakan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim, mewakili Ketua Pengarahnya, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi, di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Seramai 153 peserta dari dalam dan luar negara menghadiri program empat hari itu yang dianjurkan INSPEM dengan kerjasama Sekolah Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), MSCR dan juga Cybersecurity Malaysia.

Bagaimanapun, Kamel Ariffin berkata, belum banyak universiti yang menawarkan bidang pengajian kriptologi yang boleh dianggap masih baru di Malaysia.

Beliau berkata, UPM memulakan penawaran bidang pengajian ini sejak INSPEM ditubuhkan pada 2002 dan kini sudah ada penyelidikan mengenainya pada peringkat pas-casiswazah.

"Institusi pengajian tinggi awam lain yang turut menawarkan bidang pengajian ini ialah Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan UKM," katanya.

